

Zaid umum tanding Parlimen Kota Bharu PRU-13
Utusan Online
18 Mac, 2012

KOTA BHARU 17 Mac - Presiden Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA), Datuk Zaid Ibrahim mengumumkan akan bertanding di kerusi Parlimen Kota Bharu pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Zaid yang pernah memenangi kerusi berkenaan pada 2004 menjelaskan, keputusan itu dibuat berdasarkan kebolehan beliau sendiri selain peluang untuk membersihkan namanya dalam dunia politik.

Beliau bagaimanapun menolak andaian bahawa keputusan tersebut dibuat bagi memecahkan undi mana-mana pihak dan bersedia untuk bersemuka dengan calon daripada mana-mana parti berhubung hal itu.

"Dalam politik, saya dituduh macam-macam, pada saya ia satu penghinaan. Saya tak pernah lari daripada perjuangan saya, tetapi banyak orang telah buat tuduhan terhadap saya.

"Jadi saya rasa eloklah peluang pilihan raya ini orang Kota Bharu tentukan Zaid ini boleh pakai ke tak boleh pakai," katanya selepas melancarkan jentera pilihan raya KITA di kediamannya di sini malam tadi.

Pada Pilihan Raya Umum 2004, Zaid memenangi kerusi Parlimen Kota Bharu atas tiket Barisan Nasional (BN) dengan mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR), Nik Mahmood Nik Hassan dengan majoriti 1,723 undi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0318&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm